

Terma & Syarat

ANDA TELAH MEMILIH UNTUK MENGAKTIFKAN AKSES ANDA KEPADA PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U. SILA LUANGKAN SEDIKIT MASA UNTUK MEMBACA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI DENGAN TELITI. UNTUK MENERUSKAN AKSES, KLIK PADA BUTANG “BERSETUJUDAN TERUS” UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA ANDA TELAH MEMBACA DAN BAHAWA ANDA BERSETUJU KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKSES SERTA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U DI DALAM INI. JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI, SILA HENTIKAN DENGAN SEGERA AKSES ANDA KEPADA PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U, SAMA ADA MELALUI INTERNET, MEDIUM MUDAH ALIH DAN/ATAU MANA-MANA MEDIUM ELEKTRONIK LAIN YANG MUNGKIN DISEDIAKAN OLEH MALAYAN BANKING BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA DARI MASA KE SEMASA.

TERMA & SYARAT AKSES (Berkuatkuasa: 23hb April 2023)

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BERIKUT (“TERMA DAN SYARAT AKSES”) TERPAKAI KEPADA AKSES ANDA DAN PENGGUNAAN LAMAN WEB MAYBANK2U DAN/ATAU APLIKASI MUDAH ALIH MAYBANK2U (MASING-MASING DAN SECARA KOLEKTIF DIRUJUK SEBAGAI “MAYBANK2U” SEPERTIMANA YANG BERKENAAN) DAN SEMUA MAKLUMAT, PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN MELALUI MAYBANK2U.

DENGAN MENGAKSES MAYBANK2U ATAU MANA-MANA LAMAN ATAU BAHAGIAN DARIPADANYA, SAMA ADA MELALUI INTERNET, MEDIUM MUDAH ALIH DAN/ATAU MANA-MANA MEDIUM ELEKTRONIK LAIN YANG TERSEDIA ADA, ANDA BERSETUJU UNTUK TERIKAT KEPADA TERMA DAN SYARAT AKSES INI.

Umum

Istilah “Maybank” seperti yang digunakan di dalam Terma dan Syarat Akses ini merujuk kepada Malayan Banking Berhad. Istilah “Kumpulan Maybank” merujuk kepada Malayan Banking Berhad dan anak-anak syarikatnya, sama ada secara individu dan/atau kolektif mengikut kehendak konteksnya. Semua produk dan perkhidmatan Kumpulan Maybank dan rakan niaganya yang diperuntukkan di sini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berkenaan yang terpakai kepada penggunaan mereka. Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat Akses ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal transaksi, produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan yang disediakan di dalam ini, terma dan syarat yang dinyatakan terkemudian di atas akan diguna pakai.

Terma dan Syarat Akses ini mungkin diubah dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari melalui cara termasuk pengumuman di Maybank2u. Akses anda yang berterusan kepada Maybank2u, sama ada melalui internet, medium mudah alih atau apa-apa cara atau medium lain yang tersedia ada, berikutan perubahan yang dibuat, akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap perubahan tersebut.

Penafian

Bahan-bahan dan maklumat yang disediakan melalui Maybank2u termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan, produk, maklumat, data, teks, grafik, audio, video, pautan atau item lain, adalah disediakan oleh Kumpulan Maybank secara "sedia ada" dan "sebagaimana tersedia". Rujukan kepada bahan dan maklumat yang ada di dalam Maybank2u adalah termasuk bahan dan maklumat yang disediakan oleh pihak ketiga.

Kumpulan Maybank tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa waranti kepada hakmilik, ketidakpelanggaran, kebolehdagangan, kebergunaan, keoperasian, kesempurnaan, kekinian, ketepatan, kualiti yang memuaskan, kebolehpercayaan, kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Maybank2u dan mana-mana bahan, maklumat dan/atau fungsi di dalamnya. Selanjutnya, Kumpulan Maybank tidak menjamin bahawa akses kepada keseluruhan atau sebahagian Maybank2u, bahan, maklumat dan/atau fungsi yang terkandung di dalamnya, akan disediakan tanpa gangguan atau bebas daripada ralat atau bahawa tidak akan ada kelewatan, kegagalan, kesilapan atau kehilangan maklumat yang dihantar, bahawa tiada virus atau unsur lain yang mencemarkan atau merosakkan akan dihantar atau bahawa tiada kerosakan akan berlaku kepada sistem komputer anda. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dengan jelas di dalam Terma dan Syarat Akses ini dan setakat mana dibenarkan di bawah undangundang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang relevan), Kumpulan Maybank secara nyata menafikan liabiliti untuk kesilapan dan peninggalan dalam bahan-bahan, maklumat dan/atau fungsi serta

kelewatan, kegagalan atau kesilapan akses dan/atau transmisi. Tanpa mengehadakan perkara di atas dan/atau terma-terma dan syarat-syarat perjanjian berkenaan yang mentadbir semua produk dan perkhidmatan Kumpulan Maybank, langkah-langkah munasabah akan juga diambil oleh Kumpulan

Maybank untuk memastikan ketepatan dan kesahihan semua maklumat berkenaan transaksi dan produk Kumpulan Maybank yang berasal secara eksklusif daripada Kumpulan Maybank.

Bahan-bahan, maklumat dan fungsi-fungsi yang disediakan tidak boleh dalam apa jua keadaan dianggap atau ditafsirkan sebagai suatu tawaran atau permintaan untuk menjual, membeli, memberi, mengambil, mengeluarkan, memperuntukkan atau memindah, atau sebagai pemberian apa-apa nasihat berkenaan dengan syer, saham, bon, nota, faedah, keuntungan, unit amanah, dana bersama atau lain-lain sekuriti, pelaburan, pinjaman, pembiayaan, pendahuluan, kredit atau deposit dalam mana-mana bidang kuasa.

Anda adalah bertanggungjawab untuk menilai kualiti, kecukupan, kesempurnaan, kekinian, dan kebergunaan kesemua perkhidmatan, kandungan, nasihat, pendapat dan maklumat lain yang diperolehi atau yang boleh diakes melalui Maybank2u. Selanjutnya, anda perlu mendapatkan nasihat professional pada setiap masa dan memperolehi pengesahan bebas tentang bahan-bahan dan maklumat yang diberikan di dalam ini sebelum membuat sebarang pelaburan, perniagaan atau keputusan komersil berdasarkan mana-mana bahan dan maklumat tersebut.

Pautan

Pautan dari atau ke laman web di luar Maybank2u adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Laman laman web yang dipaut tersebut dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga dan oleh itu tidak berada di bawah kawalan Kumpulan Maybank. Oleh itu, Kumpulan Maybank tidak bertanggungjawab dan tidak membuat waranti terhadap kandungan laman-laman web tersebut, pihak-pihak ketiga yang dinamakan di dalamnya atau produk dan perkhidmatan mereka. Selanjutnya, pautan yang disediakan dalam Maybank2u tidak boleh dianggap sebagai suatu pengendorsan atau pengesahan atau kelulusan bagi laman web yang dipaut atau kandungan di dalamnya. **Pautan ke laman web lain adalah atas risiko anda sendiri dan ia adalah dinasihatkan untuk anda membaca penyata polisi privasi (jika ada) laman-laman web yang dipaut ke Maybank2u.**

Hak Cipta

Melainkan dinyatakan sebaliknya, hak cipta dan kandungannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, imej, grafik, fail bunyi, fail animasi, fail video dan susunannya adalah kepunyaan Kumpulan Maybank, dan dilindungi oleh undang-undang hakcipta Malaysia dan antarabangsa yang berkenaan. Tiada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian daripadanya yang boleh diubah, ditiru, diedar, dihantar semula, disiarkan,

dipamerkan, dipersembahkan, dihasilkan semula, diterbitkan, dilesenkan, dipindahkan, dijual atau diuruskan secara komersil dalam apa-apa jua cara tanpamendapatkan kebenaran nyata secara bertulis terlebih dahulu daripada Kumpulan Maybank.

Anda juga tidak boleh, tanpa kebenaran nyata secara bertulis terlebih dahulu dari Kumpulan Maybank, memasukkan suatu pautan ke Maybank2u atau di dalam mana-mana laman web lain, merangkakan atau "mencerminkan" mana-mana bahan yang terkandung dalam Maybank2u dalam mana-mana pelayan lain.

Mana-mana pengeluaran semula, penghantaran semula atau peniruan atau pengubahsuaian lain mana-mana kandungan Maybank2u yang tidak dibenarkan, mungkin melanggar hak-hak statut dan common law yang boleh menjadi subjek tindakan undang-undang.

Kumpulan Maybank menafikan semua liabiliti yang mungkin timbul dari pengeluaran semula penggunaan kandungan Maybank2u yang tidak dibenarkan.

Cap Dagangan

Semua cap dagangan, cap perkhidmatan dan logo yang dipaparkan di Maybank2u adalah kepunyaan Kumpulan Maybank dan/atau pemilik pihak ketiganya yang berkenaan sebagaimana yang mungkin dikenal pasti di dalam Maybank2u.

Melainkan jika kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kumpulan Maybank atau pemilik pihak ketiga mana-mana cap dagangan, cap perkhidmatan atau logo yang dipaparkan di Maybank2u berkenaan telah diperolehi, tiada lesen atau hak diberikan kepada mana-mana pihak yang mengakses Maybank2u untuk menggunakan, memuat turun, mengeluarkan semula, meniru atau mengubahsuaikan cap dagangan, cap perkhidmatan atau logo tersebut. Begitu juga, melainkan jika kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kumpulan Maybank atau pemilik yang berkenaan telah diperolehi, tiada cap dagangan, cap perkhidmatan atau logo boleh digunakan sebagai pautan atau untuk menandakan mana-mana pautan ke Maybank2u atau mana-mana laman lain.

Pengecualian

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat Akses ini dan setakat mana dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkaitan), Kumpulan Maybank dan/atau rakan niaganya tidak akan, di dalam apa jua keadaan, bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang

timbul sebagaimana pun, sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liability ketat atau sebarang asas lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan keuntungan, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan, kehilangan peluang, gangguan perniagaan atau lain-lain gantirugi berbangkit, istimewa, sampingan, secara tidak langsung, teladan atau punitif yang timbul berhubung dengan; akses anda atau penggunaan atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan Maybank2u (atau manamana pautan pihak ketiga ke atau dari Maybank2u); pergantungan kepada maklumat yang terkandung di Maybank2u; apa-apa kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian dalam apa jua bentuk; gangguan, kesilapan, peninggalan, kelewatan dalam operasi; virus komputer atau sebaliknya, kecuali berlakunya kesalahan boleh didakwa dan dibuktikan terhadap Kumpulan Maybank di mahkamah.

Liabiliti & Indemniti

Anda dengan ini bersetuju secara muktamad untuk bertanggungjawab dan untuk menanggung rugi dan terus menanggung rugi Kumpulan Maybank daripada semua liabiliti, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan, termasuk yuran guaman yang mungkin ditanggung oleh Kumpulan Maybank berkaitan dengan atau yang timbul daripada:-

- (1) penggunaan atau penyalahgunaan oleh anda akan Maybank2u dan maklumat, produk dan perkhidmatan yang disediakan dalamnya;
- (2) pelanggaran Terma dan Syarat Akses oleh anda walau bagaimanapun disebabkan;
- (3) mana-mana tuntutan pelanggaran hak harta intelek atau hak milik yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap Kumpulan Maybank berkaitan dengan penggunaan Maybank2u oleh anda; atau
- (4) tindakan kecuaiian dan/atau penipuan anda.

Liabiliti dan kewajipan anda untuk menanggung rugi di atas bagaimanapun tidak terpakai setakat mana ianya timbul daripada:

- (a) kerosakan teknikal atau kekurangan terbukti dalam sistem dan peralatan di bawah kawalan penuh Kumpulan Maybank; atau
- (b) kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang digunapakai oleh Kumpulan Maybank.

Lain-Lain

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat Akses ini didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ianya akan menjadi tidak efektif hanya setakat kepada peruntukan yang menyalahi undang-undang atau yang dilarang tersebut. Peruntukan selebihnya tidak akan terjejas. Sebarang penepian atau

kelonggaran yang diberikan tidak akan; menghalang Maybank daripada menguatkuasakan bahagian-bahagian yang lain di dalam Terma dan Syarat Akses yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau hak-hak lain; atau memerlukan Maybank untuk memberikan kelonggaran selanjutnya. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat Akses ini.

Mana-mana hak yang tidak diberi secara nyata di dalam ini adalah terpelihara.

Undang-Undang dan Bidang Kuasa

Terma dan Syarat Akses ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Dengan mengakses Maybank2u dan/atau menggunakan maklumat, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan di sini oleh Kumpulan Maybank, anda dengan ini bersetuju kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia dalam semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan kepada akses dan penggunaan Maybank2u oleh anda.

Kumpulan Maybank tidak membuat sebarang perwakilan bahawa bahan-bahan, maklumat, fungsi dan/atau perkhidmatan yang disediakan di Maybank2u adalah sesuai atau tersedia untuk digunakan dalam bidang kuasa lain selain Malaysia.

TERMA & SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U (Berkuatkuasa: 23hb April 2023)

TERMA DAN SYARAT BERIKUT TERPAKAI KEPADA AKSES DAN/ATAU PENGGUNAAN ANDA AKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN YANG DISEDIAKAN DI DALAM TALIAN OLEH MALAYAN BANKING BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA, SAMA ADA MELALUI INTERNET, MEDIUM MUDAH ALIH ATAU MANA MANA MEDIUM ELEKTRONIK YANG LAIN ("PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U" SEPERTIMANA DITAKRIFKAN SELANJUTNYA DI BAWAH).

DENGAN MENGAKSES MANA-MANA HALAMAN ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA LAMAN WEB MAYBANK2U DAN/ATAU APLIKASI PERBANKAN MUDAH ALIH MAYBANK2U (MASING-MASING DAN SECARA KOLEKTIF DIRUJUK SEBAGAI "MAYBANK2U", SEPERTIMANA YANG BERKENAAN) DAN/ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U, ANDA BERSETUJU UNTUK TERIKAT KEPADA TERMA DAN SYARAT INI TANPA HAD ATAU PENGECUALIAN.

DARI MASA KE SEMASA, KAMI MUNGKIN PERLU MEMBUAT PERUBAHAN KEPADA TERMA DAN SYARAT INI, DI MANA KAMI AKAN, TERTAKLUK KEPADA PEMBERIAN NOTIS DUA PULUH SATU (21) HARI TERLEBIH DAHULU, PAPARKAN SYARAT DAN TERMA YANG DIKEMASKINI DI LAMAN WEB MAYBANK2U. JIKA ANDA MEMILIH UNTUK TERUS MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U BERIKUTAN APA-APA PERUBAHAN KEPADA TERMA DAN SYARAT INI, ANDA AKAN DIANGGAP SEBAGAI TELAH MENERIMA TERMA DAN SYARAT YANG DIKEMASKINI TERSEBUT.

DEFINISI-DEFINISI

Perkataan dan ungkapan di bawah membawa maksud yang berikut:

"Kod Akses"

Bermaksud No. Akses, Kata Laluan dan/atau Nama Pengguna dan/atau apa-apa maklumat pengesahan sulit lain yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, sama ada dalam bentuk kata-kata, kod, nombor, set aksara atau apa-apa bentuk atau kombinasi lain daripadanya, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.

"No. Akses"

Bermaksud nombor pengenalan kad Mesin Juruwang Automatik (ATM) anda atau kad kredit anda dengan Bank atau mana-mana nombor yang dikeluarkan oleh Bank kepada anda untuk log masuk kali pertama ke Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Akaun"

Bermaksud akaun simpanan, semasa, pinjaman, pembiayaan, pelaburan, simpanan tetap, perniagaan saham, instrumen pembayaran yang ditetapkan, instrumen pembayaran atau mana-mana akaun lain yang anda mungkin ada dengan Bank dan yang layak untuk diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau mana-mana salurannya, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.

"Terma Akaun"

Bermaksud terma dan syarat Akaun dan/atau Akaun Pihak Ketiga yang berkenaan yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Sekutu"

Bermaksud mana-mana pihak ketiga yang menawarkan produk, perkhidmatan, kandungan dan maklumat dalam Maybank2u.

"Bank"

Bermaksud Malayan Banking Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 14, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur dan termasuk anak-anak syarikatnya serta syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan Maybank dan juga pewaris hakmilik dan penerima serah haknya, dan jika berkenaan, mana-mana daripada mereka.

“Perkhidmatan Perbankan”

Bermaksud produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada anda oleh Bank dan Sekutunya.

“Bil”

Bermaksud bil berkenaan terkini, notis pembaharuan, nasihat dan/atau permintaan pembayaran Pengebil/Syarikat Penerima Bayaran yang tertentu, sepertimana diterima oleh anda daripada Syarikat Penerima Bayaran dan yang, dalam hal Perkhidmatan Penyata Saya, telah didaftarkan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (dan diaktifkan oleh Bank), selaras dengan syarat-syarat di dalam ini.

“Pengebil”

Bermaksud Syarikat Penerima Bayaran.

“Hari Berkerja”

Bermaksud mana-mana hari dari Isnin hingga Jumaat di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.

“Force Majeure”

Merujuk kepada peristiwa atau keadaan yang di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(a) gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak penyakit, bencana alam dan kejadian semulajadi; dan

(b) keganasan, rusuhan, kekecohan atau gangguan awam, peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak, mogok yang berlangsung selama tiga (3) bulan atau lebih.

“Arahan”

Bermaksud arahan yang diberikan oleh anda berhubung dengan Akaun anda atau apa-apa transaksi lain yang menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u sama ada melalui Internet, medium mudah alih atau apa-apa medium elektronik lain yang tersedia ada.

“Internet”

Bermaksud rangkaian global komputer dan sistem telekomunikasi yang memudahkan komunikasi.

“Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u”

Bermaksud Perkhidmatan Perbankan yang disediakan kepada anda melalui Internet, aplikasi perbankan mudah alih atau mana-mana medium elektronik lain yang anda boleh akses dengan memasukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang betul atau melalui apa-apa kaedah akses lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.

“Kumpulan Maybank”

Bermaksud syarikat-syarikat di dalam kumpulan syarikat Maybank, yang sedia ada sekarang atau pada masa akan datang, yang memiliki atau dimiliki oleh atau di bawah pemilikan bersama, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau mengawal, dikawal oleh atau di bawah kawalan bersama dengan Malayan Banking Berhad;

“Aplikasi Perbankan Mudah Alih” atau “Aplikasi”

Bermaksud aplikasi perisian untuk dimuat turun dan dipasang oleh anda di dalam Peranti Mudah Alih anda untuk akses khusus anda kepada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk digunakan.

“Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih”

Merujuk kepada Perkhidmatan Perbankan Bank yang disediakan kepada anda melalui Maybank2u sebagaimana yang boleh diakses daripada Peranti Mudah Alih anda.

“Peranti Mudah Alih”

Bermaksud telefon bimbit atau apa-apa peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih.

“Penyata Saya”

Merujuk kepada penyata elektronik Akaun dan Bil atau yang berkaitan dengan Akaun dan Bil sepertimana yang ditakrifkan dengan lebih khusus dalam Fasal 15 di dalam ini.

“Pembekal Perkhidmatan Rangkaian”

Bermaksud mana-mana pemberi perkhidmatan Internet yang menyediakan rangkaian kepada Internet.

“Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan/Perjanjian Instrumen Pembayaran”

Bermaksud perjanjian sebagaimana yang dibuat di antara anda dan pihak Bank dan/atau manamana bank atau pihak ketiga lain berhubung dengan mana-mana instrumen pembayaran yang ditetapkan atau instrumen pembayaran yang dikeluarkan oleh Bank dan/atau bank atau pihak ketiga tersebut.

"PIN"

Bermaksud nombor pengenalan peribadi yang dipilih oleh Pelanggan yang merupakan seorang pemegang Akaun untuk log masuk kali pertama ke dalam Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Kata Laluan"

Bermaksud suatu rentetan aksara unik yang dipilih oleh anda dan harus hanya diketahui oleh anda, dan direkodkan dalam sistem komputer Bank, yang perlu dimasukkan oleh anda untuk pengesahan Nama Pengguna, dan pemberian akses kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Syarikat Penerima Bayaran"

Bermaksud pengebil-pengebil/syarikat pengebilan atau syarikat lain yang berkaitan yang diluluskan oleh Pihak Bank dari semasa ke semasa (i) dimana bilnya boleh dibayar oleh anda dengan menggunakan Servis Perbankan Maybank2u atau di dalam servis Perkhidmatan Penyata Saya, juga boleh dilihat, disimpan dan dicetak oleh anda di dalam bentuk Penyata Saya; atau (ii) yang membolehkan pembelian tambah nilai kredit tersedia di bawah Perkhidmatan Tambah Nilai.

"Kredit Tambah Nilai"

Bermaksud jumlah pembelian tambah nilai kredit yang telah anda buat melalui Perbadanan Penerima yang terpilih, di mana produk nya ada di dalam Servis Perbankan Maybank2u.

"Perkhidmatan Tambah Nilai"

Bermaksud produk tambah nilai oleh Perbadanan Penerima yang diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa, di mana pembelian produk nya boleh dibuat dengan menggunakan Servis Perbankan Maybank2u.

"Terma dan Syarat"

Bermaksud terma-terma dan syarat-syarat ini yang mentadbir penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Akaun Pihak Ketiga"

Bermaksud akaun lain anda dengan bank(-bank), Sekutu, Syarikat Penerima Bayaran, atau pihak ketiga yang lain.

"Rekod Transaksi"

Bermaksud notifikasi, penyata dan rekod Arahan, komunikasi, operasi atau transaksi Bank yang dibuat atau dilakukan, diproses atau dilaksanakan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

"Nama Pengguna"

Bermaksud suatu nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh anda yang perlu

dimasukkan oleh anda untuk sistem Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u mengaitkan Nama Pengguna tersebut dengan profil pengguna dan Akaun anda.

1. Permohonan untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

1.1. Anda boleh memohon untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u tertakluk pada setiap masa kepada budi bicara Bank.

2. Terma dan Syarat Akaun

2.1. Apabila anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Maybank2u, anda mesti mematuhi Terma dan Syarat ini, Terma Akaun yang berkenaan, terma-terma Perjanjian Instrumen Pembayaran dan terma-terma lain yang terpakai berkaitan kepada Perkhidmatan Perbankan tersebut.

2.2. Di mana Terma dan Syarat ini bercanggah dengan terma dan syarat yang disebut dalam fasal 2.1 di atas, Terma dan Syarat ini akan digunapakai setakat percanggahan tersebut.

3. Penerimaan Terma dan Syarat

3.1. Anda bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u oleh anda, akan dianggap sebagai penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini serta persetujuan anda kepada risiko yang sedia ada dalam menjalankan apa-apa transaksi melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u. Bank menyarankan agar anda menyimpan atau mencetak salinan Terma dan Syarat ini untuk rekod anda.

4. Peralatan, Perisian dan Akses Rangkaian

4.1. Anda bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab anda untuk menyelenggara peranti atau terminal yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

5. Mendapat Akses kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u

5.1. Jika anda mempunyai Akaun dengan Bank yang anda ingin mengakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, anda boleh, melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Bank, melanggannya dengan prosedur berikut:

5.1.1. Untuk mendaftar, anda perlu memasukkan Kad/No. Akses dan PIN anda di halaman pendaftaran yang berkenaan di laman web Maybank2u.com.

5.1.2. Setelah pendaftaran dan pengesahan Kad/No. Akses dan PIN anda berjaya dan juga penerimaan Terma dan Syarat ini oleh anda, anda hendaklah mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan. Nama Pengguna anda tidak boleh ditukar selepas pendaftaran.

5.1.3. Setelah pengesahan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda pada skrin, akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank akan diaktifkan.

5.2. Jika anda berniat untuk melanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang bukan berkaitan dengan Akaun, anda akan, pada halaman log masuk Maybank2u.com yang berkenaan, dikehendaki untuk mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan unik dan memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank. Setelah pengesahan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda pada skrin, oleh Bank dan juga penerimaan Terma dan Syarat ini oleh anda, akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u bukan berkaitan dengan Akaun, yang dipilih oleh anda

akan diaktifkan.

5.3. Untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan melainkan jika ditetapkan sebaliknya oleh Bank, setiap kali anda log masuk, anda akan perlu memasukkan:

5.3.1. Nama Pengguna anda; dan

5.3.2. Kata Laluan anda

5.4. Anda bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk membatalkan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda bagi pelanggaran atau pelanggaran berpotensi apa-apa terma di dalam ini, atau manamana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan juga penggunaannya, di mana dianggap munasabah oleh Bank, dan bahawa anda tidak akan memegang pihak Bank bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda mungkin alami akibat daripada pembatalan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda.

5.5. Anda boleh menukar Kata Laluan anda pada bila-bila masa tetapi apa-apa pertukaran hanya akan berkuatkuasa jika diterima oleh Bank mengikut piawaian yang munasabah. Anda bersetuju bahawa Bank menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda untuk mengenal pasti anda, dan mengakui bahawa anda dikehendaki menyimpan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda secara rahsia dan selamat serta mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah akses dan/atau penggunaan yang tidak dibenarkan.

5.6. Setelah anda log masuk, anda tidak boleh meninggalkan terminal atau peranti lain dari mana anda mengakses perkhidmatan tersebut, pada bila-bila masa atau membiarkan orang lain menggunakannya, sehingga anda telah log keluar. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda telah log keluar perkhidmatan tersebut di akhir setiap sesi.

5.7. Kami mungkin perlu meminta daripada anda Nama Pengguna, (tetapi bukan Kata Laluan anda) untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan kepada anda. Jika anda membekalkan kami dengan Nama Pengguna anda, kami akan menyimpannya secara rahsia. **JANGAN MEMBEKALKAN KATA LALUAN ANDA KEPADA SESIAPA.**

6. Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u

- 6.1. Setelah pengaktifan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, anda akan dapat mengakses Perkhidmatan Perbankan tersebut sebagaimana Bank dan Sekutunya mungkin dari masa ke semasa sediakan untuk anda di Maybank2u.
- 6.2. Apabila Bank memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru di bawah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, Bank mungkin menyediakannya dengan syarat-syarat tambahan seperti yang dimaklumkan kepada anda.
- 6.3. Di mana akses diberikan kepada anda justeru pendaftaran yang dibuat untuk Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang bukan berkaitan dengan Akaun, anda mengakui dan bersetuju bahawa anda akan hanya dapat mengakses Perkhidmatan Perbankan yang anda telah mendaftar untuk sahaja.
- 6.4. Anda bersetuju dan menerima bahawa apa-apa Arahan yang anda keluarkan akan pada setiap masa tertakluk kepada had-had dan syarat munasabah sebagaimana yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlak.
- 6.5. Dalam kes-kes yang melibatkan atau memerlukan persetujuan atau kelulusan pihak ketiga, kewajipan Bank untuk melaksanakan mana-mana Arahan akan tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan tersebut diperolehi oleh anda.
- 6.6. Anda perlu memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa di dalam Akaun anda untuk melaksanakan apa-apa Arahan anda.
- 6.7. Anda bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebitkan Akaun anda untuk melaksanakan apa-apa transaksi yang diarahkan oleh anda.

7. Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih

7.1. Setelah pendaftaran dan pengaktifan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u berjaya, dan sebagai tambahan kepada aksesnya melalui Internet, anda juga akan dapat mengakses Perkhidmatan Perbankan berkenaan melalui Peranti Mudah Alih anda, tertakluk kepada:

7.1.1. Muat turun dan pemasangan Aplikasi Perbankan Mudah Alih pada Peranti Mudah Alih anda; dan

7.1.2. Nama Pengguna dan kata Laluan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda ditaip masuk

7.2 Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih hanya boleh didapati untuk Peranti Mudah Alih dan sambungan data yang memenuhi spesifikasi dan konfigurasi yang diperlukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank dari masa ke semasa, dan anda bersetuju untuk mendapatkan dan mengekalkan Peranti Mudah Alih dan sambungan data yang memenuhi keperluan tersebut atas perbelanjaan anda sendiri

7.3 Panduan pengguna bagi operasi Sistem Perbankan Mudah Alih akan disediakan kepada anda dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih. Anda harus mematuhi segala panduan pengguna yang berkenaan apabila anda mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih.

7.4 Skop, ciri-ciri dan fungsi Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih mungkin berbeza dari Perkhidmatan Perbankan untuk medium elektronik yang lain, dan mungkin akan di ubah oleh Bank dari masa ke semasa. Anda bersetuju dan mengakui bahawa sesetengah Perkhidmatan Perbankan, fungsi-fungsi dan/atau Akaun mungkin tidak boleh didapati pada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih dan ianya mungkin atau mungkin tidak disediakan pada masa hadapan.

7.5 Aplikasi Perbankan Mudah Alih

7.5.1 Anda mengakui bahawa muat turun dan penggunaan Aplikasi di atas Peranti Mudah Alih anda adalah di atas asas bukan eksklusif dan tidak boleh dipindah milik, dan ianya sentiasa tertakluk kepada persetujuan anda kepada syarat-syarat tambahan yang berikut:

(a) Anda tidak dibenarkan menggunakan Aplikasi untuk apa-apa tujuan selain dari mengakses

Akaun anda melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih dari Peranti Mudah Alih anda;

(b) Anda tidak boleh memuat turun atau memasang Aplikasi tersebut pada Peranti Mudah Alih yang

bukan milik anda atau yang anda tidak mempunyai kawalan eksklusif keatasnya;

(c) Anda tidak akan membenarkan atau membolehkan sesiapa mengakses Aplikasi tersebut, atau

meninggalkan Peranti Mudah Alih anda tanpa kawalan keatasnya dalam cara yang

membolehkan seseorang mengakses Aplikasi tersebut. Anda dinasihatkan untuk terus log keluar

Akaun anda di Aplikasi setelah anda selesai dengan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih.

(d) Anda tidak boleh membuat semula, mengubahsuai atau membuat kejuruteraan berbalik keatas

Aplikasi tersebut atau membenarkan orang lain untuk berbuat demikian;

- (e) Aplikasi tersebut disediakan untuk anda khususnya secara dasar "sedia ada", dan setakat dibenarkan di bawah undang-undang dan/atau peraturan. Tiada jaminan dibuat berhubung dengan Aplikasi, termasuk sebarang jaminan berhubung dengan kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan, kualiti yang memuaskan atau pematuhan dengan deskripsi, dan semua jaminan yang mungkin diwujudkan oleh undang-undang atau adat adalah dengan ini dikecualikan. Selain itu, anda juga bersetuju bahawa pihak Bank tidak dapat memastikan bahawa Aplikasi ini akan serasi atau boleh digunakan bersama-sama dengan semua Peranti Mudah Alih, dan anda bersetuju bahawa, melainkan ianya bercanggah dengan yang dinyatakan di sini, anda tidak akan memegang Bank bertanggungjawab untuk apa-apa ketidakserasian atau apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana Peranti Mudah Alih yang mungkin disebabkan oleh Aplikasi atau proses pemasangan, kecuali kerugian atau kerosakan tersebut dapat dibuktikan disebabkan oleh Bank di mahkamah.
- (f) Kesesuaian peranti. Aplikasi tersebut kini hanya boleh digunakan di atas sesetengah telefon pintar dan peranti lain yang sesuai dengannya sahaja seperti yang ditentukan oleh pihak Bank. Pihak Bank mungkin mengubah versi sistem operasi yang digunakan bersama dengan Aplikasi pada bila-bila masa. Sesetengah ciri mungkin tidak tersedia di semua platform atau sistem operasi. Maklumat terperinci mengenai ciri-ciri, platform dan sistem operasi boleh didapati di laman web Bank.
- (g) Stor Aplikasi. Anda boleh memuat turun Aplikasi dari Stor Aplikasi Apple, Stor Google Play, Galeri App Huawei atau dari mana-mana stor Aplikasi yang diluluskan oleh pihak Bank.
- (h) Kemaskini bagi Aplikasi tersebut mungkin dikeluarkan oleh Bank dari masa ke semasa melalui Stor Aplikasi Apple, Stor Google Play, Galeri App Huawei atau mana-mana stor Aplikasi yang lain. Bergantung kepada kemaskini yang tersebut, anda mungkin tidak boleh menggunakan Aplikasi sehingga anda telah memuat turun versi terbaru Aplikasi dan menerima mana-mana terma-termannya yang baru.
- (i) Keselamatan. Anda tidak boleh memasang atau menggunakan Aplikasi pada peranti jail-break atau rooting. Pengubahsuaian yang tidak dibenarkan kepada sistem operasi mana-mana Peranti Mudah Alih ("jail-break atau rooting") memintas ciri-ciri keselamatan dan boleh menyebabkan berbagai isu peranti yang digodam. Bank memberikan amaran kuat terhadap pemasangan Aplikasi dalam mana-mana Peranti Mudah Alih yang telah digodam. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami atau untuk apa-apa kos yang mungkin anda tanggung akibat kerosakan atau kegagalan peranti "jail-broken" atau "rooted", perkakasan atau perisian yang anda gunakan berkaitan dengan Aplikasi tersebut.

7.6 Maklumat Mudah Alih

7.6.1 Fungsi-fungsi tertentu (contohnya memuatnaik kandungan ke dalam Aplikasi) akan memerlukan akses kepada maklumat pada Peranti Mudah Alih anda untuk ianya berfungsi. Dengan menggunakan fungsi tersebut, anda membenarkan Aplikasi untuk mengakses Peranti Mudah Alih dan maklumat anda.

7.6.2 Pihak Bank mungkin menggunakan cookies dan teknologi-teknologi yang serupa dengannya (disini dirujuk sebagai "cookies"), untuk membuat pengesahan apabila anda menggunakan Perkhidmatan

Perbankan Mudah Alih dan untuk menaiktaraf pengalaman anda dengan Aplikasi tersebut. Dengan menggunakan Aplikasi tersebut, anda menerima penggunaan cookie oleh pihak Bank. Pihak Bank boleh menggunakan cookies ini untuk mengumpul maklumat anda tentang penggunaan Aplikasi. Maklumat ini dapat membantu pihak Bank untuk meningkatkan prestasi Aplikasi tersebut dan untuk menyediakan dan menyesuaikan produk-produk dan perkhidmatan Bank untuk anda dan pengguna-pengguna yang lain.

7.6.3 Penggunaan data lokasi. Sesetengah perkhidmatan Aplikasi, termasuklah pencarian mesin ATM (ATM finder), memerlukan data lokasi anda, di mana data tersebut akan dihantar dari Peranti Mudah Alih anda. Anda boleh menutup fungsi ini pada bila-bila masa dengan menutup penetapan perkhidmatan lokasi untuk Aplikasi tersebut pada Peranti Mudah Alih anda. Sekiranya anda menggunakan perkhidmatan- perkhidmatan ini, anda akan dianggap sebagai telah memberikan kebenaran kepada Bank dan rakan-rakan niaga dan penerima-penerima lesen pihak Bank untuk menghantar, mengumpul, menyelenggara, memproses dan menggunakan data lokasi dan pertanyaan anda, dalam menyediakan dan memperbaiki perkhidmatan yang berpaksikan lokasi. Anda boleh menarik balik kebenaran ini dengan menutup penetapan perkhidmatan lokasi pada Peranti Mudah Alih atau pada Aplikasi tersebut (untuk Peranti Mudah Alih yang lain).

8. Pengesahan

8.1. Anda dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mematuhi semua Arahan yang diberikan berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dengan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda sebagai Arahan yang telah diberikan oleh anda walaupun ianya mungkin bercanggah dengan sebarang mandat lain yang diberikan pada bila-bila masa mengenai Akaun atau urusan anda.

8.2. Anda bersetuju bahawa anda akan terikat kepada Arahan tersebut pada saat ianya dihantar kepada pihak Bank dan Arahan tersebut tidak boleh ditukar atau ditarik balik tanpa kebenaran dari pihak Bank dan pihak Bank tidak berkewajipan selanjutnya untuk menyemak pengesahan bagi setiap Arahan.

8.3. Bagi membenarkan transaksi melalui Perbankan Internet Maybank2u, anda bersetuju untuk meluluskan urusan niaga dengan menggunakan dua (2) atau lebih kaedah kebenaran:

- (a) menaip masuk SMS Kod Kebenaran Transaksi 6 digit yang dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan Bank untuk Perkhidmatan Perbankan Maybank2u ("SMC TAC"),
- (b) menggunakan Secure2u, salah satu kaedah kebenaran tambahan menggunakan Secure Verification dan Secure TAC.

8.4. Untuk SMS TAC, anda boleh memohon berbilang kali namun TAC SMS yang terkini akan mengatasi TAC SMS yang dihantar lebih awal.

8.4.1. Untuk Secure2u, anda bersetuju:

- (a) Untuk mendaftar menggunakan butang yang tersedia pada applikasi telefon mudah alih Maybank2u dan laman web Maybank2u. (Hanya satu peranti boleh didaftarkan untuk satu (1) nama pengguna Secure2u).
- (b) Jika anda ingin memberi kebenaran bagi transaksi melalui kaedah Secure Verification, anda dikehendaki klik pada butang "Lulus" atau "Tolak" untuk mengesahkan transaksi yang dibuat

melalui aplikasi telefon mudah alih Maybank2u. Secure Verification hanya sah untuk empat (4) minit sahaja dan jika anda gagal untuk "meluluskan" atau "menolak" urusan niaga dalam tempoh tersebut, Secure Verification itu tidak sah dan Bank tidak akan meneruskan arahan transaksi anda. Secure Verification diperlukan bagi transaksi tertentu di laman web Maybank2u.

(c) Jika anda ingin memberi kebenaran bagi transaksi menggunakan Secure TAC, anda boleh menjana TAC 6-digit pada peranti Secure2u anda. TAC 6-digit akan dikeluarkan setiap 30 saat dan setiap TAC Digital yang dihasilkan adalah sah selama 60 saat sahaja. Jika anda gagal untuk memasukkan Secure TAC 6-digit dalam tempoh sah tersebut, Secure TAC akan dianggap tidak sah dan Bank tidak akan meneruskan arahan transaksi anda.

(d) Secure2u yang didaftarkan oleh anda akan secara automatik dinyahaktifkan apabila Perbankan Internet Maybank2u anda dinyahaktifkan.

9. Arahan

9.1. Anda dengan ini bersetuju bahawa adalah tanggungjawab anda untuk menyemak Rekod Transaksi berkenaan transaksi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang dimulakan di atas Arahan anda serta sebarang notifikasi berkenaanya dengan segera dan dari masa ke semasa.

9.2. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sebarang Arahan telah diterima oleh pihak Bank secara tidak tepat atau tidak sepenuhnya, anda perlu secara rasmi memaklumkan kepada pihak Bank dengan apa cara sekalipun dan tanpa sebarang penangguhan selepas penghantaran Arahan tersebut dibuat kepada pihak Bank.

9.3. Mana-mana Arahan kepada pihak Bank untuk pembatalan, penarikbalikan atau pindaan, atau penjelasan terhadap Arahan awal anda, hanya akan berkuatkuasa, sekiranya permintaan anda diterima dan dilaksanakan sebelum Arahan sebelum tersebut dilaksanakan.

9.4. Pihak Bank berhak mengikut budi bicaranya, untuk menolak untuk melaksanakan apa apa Arahan anda di mana Arahan anda tidak selaras dengan dasar-dasar atau undang-undang Bank untuk mencegah pengesyakan kelakuan kesalahan dan jenayah.

9.5. Apabila anda memberi Arahan kepada pihak Bank untuk melaksanakan transaksi berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, anda perlu memberi maklumat yang tepat dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank.

9.6. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab keatas segala kegagalan, kelewatan atau kelemahan yang disebabkan mana- mana pihak ketiga walau bagaimanapun disebabkan dengan mana anda mempunyai akaun atau sebaliknya apabila mereka melaksanakan Arahan Bank kepada mereka.

9.7. Anda bersetuju bahawa semua Arahan yang dihantar dari Peranti Mudah Alih anda atau jika sebaliknya diisukan oleh anda, walaupun dalam bentuk elektronik:

9.7.1. adalah dokumen bertulis, dan anda bersetuju untuk tidak akan mempertikai atau mencabar keesahan atau kebolehuatkuasaan mana-mana Arahan tersebut berdasarkan ianya bukan satu dokumen bertulis, dan anda dengan ini mengeneipkan mana-mana hak yang anda ada mengikut undang-undang;

9.7.2. adalah dokumen asal dan anda bersetuju untuk tidak mencabar kebolehmasukan mana-mana Arahan atas alasan bahawa ianya dibuat dalam bentuk elektronik.

10. Ketersediaan Perkhidmatan

10.1. Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan saluran-salurannya yang tersedia ada adalah disediakan 7 hari seminggu, 24 jam sehari. Wwalaubagaimanapun, anda mengakui bahawa mungkin terdapat masa ianya tidak dapat digunakan dan di mana pihak Bank menjalankan penyelenggaraan ke atas sistem dan peralatannya. Pihak Bank akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memaklumkan anda tentang mana-mana atau semua produk dan/atau perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang tidak dapat disediakan dari masa ke semasa melalui laman web.

11. Maklumat dan Akaun Pelanggan

11.1. Bank tidak menjamin ketepatan mana-mana maklumat yang berkaitan dengan Akaun anda, Akaun Pihak Ketiga atau transaksi seperti yang dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

11.2. Anda bersetuju bahawa maklumat yang berkaitan dengan Akaun anda, Akaun Pihak Ketiga atau transaksi seperti yang dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u tidak harus untuk apa-apa tujuan diambil sebagai muktamad mengenai status Akaun, Akaun Pihak Ketiga atau transaksi anda.

11.3. Pihak Bank akan mengeluarkan penyata akaun sepertimana yang telah dipersetujui di dalam Terma-Terma Akaun Bank.

11.4. Anda perlu memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami berhubung dengan anda, Akaun anda, Akaun Pihak Ketiga atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda adalah benar, lengkap dan terkini. Sekiranya terdapat mana-mana perubahan kepada maklumat dan butiran anda, anda hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan segera.

11.5. Anda mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan anda harus menanggung rugi pihak Bank keatas segala kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul akibat dari kegagalan atau

kelewatan anda dalam memberi kemaskini kepada pihak Bank mengenai segala perubahan maklumat dan butir-butir anda yang berkaitan dengan anda, Akaun anda, Akaun Pihak Ketiga atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda.

12. Pembayaran Bil & Perkhidmatan Tambah Nilai

12.1. Pembayaran Bil

12.1.1. Perkhidmatan pembayaran bil Bank hendaklah digunakan hanya untuk tujuan membayar Bil kepada Syarikat Penerima Bayaran yang telah didaftarkan dengan dan/atau diluluskan oleh pihak Bank dari masa ke semasa. Anda dengan ini bersetuju untuk mematuhi prosedur, keperluan dan terma-terma semasa setiap Syarikat Penerima Bayaran tersebut berkenaan dengan pembayaran Bil masing-masing.

12.1.2. Anda bersetuju untuk memaklumkan pihak Bank, dalam format, bentuk dan/atau cara sebagaimana yang diarahkan oleh pihak Bank di laman web Maybank2u.com, akan segala perubahan kepada Akaun Pihak Ketiga anda dan butir-butir seperti yang didaftarkan dengan Syarikat Penerima Bayaran sebelum membuat pembayaran mana-mana Bil Syarikat Penerima Bayaran.

12.1.3. Bank akan membayar ganti rugi kepada anda untuk sebarang kerugian langsung yang dialami oleh anda keatas kegagalan pihak Bank yang disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran yang sengaja dalam membuat bayaran kepada Syarikat Penerima Bayaran yang berkaitan, pada tarikh matangnya selepas diarahkan oleh anda.

12.1.4. Pihak Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memastikan bayaran Bil anda menepati masa dan pihak Bank juga tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memantau pembayaran Bil atau untuk memaklumkan mana-mana individu mengenai pembayaran lewat bagi apa-apa Bil.

12.1.5. Pihak Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk membantu menyelesaikan apa-apa pertikaian yang anda mungkin ada dengan mana-mana Syarikat Penerima Bayaran dan anda haruslah menyelesaikannya secara terus dengan Syarikat Penerima Bayaran yang berkaitan.

12.2. Perkhidmatan Tambah Nilai

12.2.1. Dengan pembelian Kredit Tambah Nilai melalui Servis Perbankan Maybank2u, ia akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh anda akan Fasal 12.2.

12.2.2. Kredit Tambah Nilai tidak boleh ditebus atau memindahkan nilai secara tunai atau bentuk bayaran lain-lain dan tidak boleh ditambah nilai kembali atau dipulangkan (kecuali untuk situasi yang termaktub di dalam Fasal 12.2.5 di bawah) selepas setiap pembelian yang berjaya dibuat.

12.2.3. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kredit Tambah Nilai dicuri, hilang, rosak atau digunakan oleh pihak ketiga tanpa izin dan/atau persetujuan anda.

12.2.4. Pihak Bank akan menganggap tiada liabiliti untuk pembelian tambah nilai yang salah yang dibuat oleh anda oleh kerana tafsiran, kecuaiian, dan/atau maklumat yang disediakan adalah salah. Pihak Bank tidak

membuat sebarang jaminan atau syarat secara nyata atau tersirat, termasuk jaminan atau syarat kebolehdagangan atau kesesuaian untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan kredit tambah nilai.

12.2.5. Pemulangan dan Bayaran Balik

- a) Semua pembelian Kredit Tambah Nilai tidak boleh dipulangkan, dikembalikan atau dibatalkan selepas setiap pembelian yang berjaya dibuat.
- b) Bayaran balik akan hanya di buat sekiranya berlaku kegagalan sistem, yang akan ditentukan di atas budi bicara Pihak Bank.
- a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembelian Kredit Tambah Nilai digunakan oleh pihak ketiga tanpa persetujuan dan/atau keizinan anda.
- b) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembelian Kredit Tambah Nilai digunakan oleh pihak ketiga yang tidak berkenaan disebabkan kesilapan nombor telefon atau butiran alamat e-mel yang anda berikan kepada Pihak Bank ketika melakukan pembelian.

12.2.6. Untuk transaksi PIN Kredit Tambah Nilai, anda bersetuju untuk menebus Kredit Tambah Nilai melalui platform Perbadanan Penerima masing-masing.

12.2.7. Anda bersetuju bahawa Kredit Tambah Nilai hanya boleh digunakan di platform Perbadanan Penerima yang diiktiraf yang dipilih oleh anda.

12.2.8. Anda bersetuju dan memperakui bahawa anda mempunyai akaun berdaftar dengan Perbadanan Penerima untuk menebus Kredit Tambah Nilai.

12.2.9. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kredit Tambah Nilai tidak boleh ditebus disebabkan ketiadaan platform penebusan oleh Perbadanan Penerima tersebut.

12.2.10. Penebusan separa tidak dibenarkan.

12.2.11. Anda bertanggungjawab sekiranya kehilangan PIN atau jika anda telah memadam SMS, e-mel atau mesej di dalam Servis Perbankan Maybank2u, yang dihantar oleh Pihak Bank.

12.2.12. Anda dinasihatkan dan digalakkan untuk menyemak butir-butir nombor telefon atau alamat e-mel yang telah dimasukkan untuk pembelian Kredit Tambah Nilai sebelum meneruskan pembelian.

12.2.13. Dengan meneruskan pembelian melalui nombor telefon atau alamat e-mel yang telah dimasukkan oleh anda, anda telah bersetuju dan memperakui bahawa kod/PIN penebusan akan dihantar ke nombor telefon atau alamat e-mel yang diberikan oleh anda.

13. Pemindahan Dana

13.1. Pemindahan Dana kepada Akaun anda sendiri atau akaun pihak ketiga dengan pihak Bank, akan dijalankan dan diterima oleh penerima.

- 13.2. Arahan Pemindahan Dana akan tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan dan/atau disemak semula oleh pihak Bank atau pihak berkuasa yang berkaitan mengikut budi bicara mereka dari masa ke semasa. Sekiranya anda ingin melakukan pemindahan dana dengan had transaksi yang lebih tinggi, anda boleh log masuk ke Maybank2u untuk menyesuaikan had tersebut, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan dengan kebenaran melalui Secure2u atau SMS TAC. Anda bersetuju bahawa adalah kewajipan anda untuk mencegah akses dan / atau penggunaan bukti kelayakan Maybank2u anda tanpa kebenaran.
- 13.3. Arahan Pemindahan Dana di mana anda memindahkan dana ke Akaun anda sendiri atau ke akaun pihak ketiga dengan mana-mana Bank lain akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat dan/ atau kelulusan Bank dengan mana akaun lain tersebut dikekalkan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, perkhidmatan Pemindahan Dana akan tersedia ada bagi pemindahan dana ke Akaun anda sendiri atau akaun-akaun pihak ketiga dengan bank-bank sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.
- 13.4. Anda mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan Pemindahan Dana di mana bank penerima kepada mana Pemindahan Dana itu dibuat telah menunda, menolak, enggan atau selainnya tidak dapat menerima Pemindahan Dana tersebut. Apabila pihak Bank mengetahui tentang kegagalan tersebut, pihak Bank akan segera atau dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memaklumkan kepada anda mengenai kelewatan, penolakan, keengganan atau sebaliknya ketidakterimaan Pemindahan Dana tersebut.

14. Stok Online

- 14.1. Semua pendapat, maklumat dan cadangan mengenai pelaburan tidak dibuat atau diendorskan oleh Bank dan ianya tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran, pelawaan atau permintaan untuk membeli atau menjual pelaburan berkenaan.
- 14.2. Pihak Bank tidak menawarkan dan/atau mencadangkan sebarang nasihat mengenai pelaburan dan juga tidak menawarkan apa-apa pelaburan atau nasihat kewangan atau perancangan kewangan.
- 14.3. Anda bersetuju bahawa semua perintah atau transaksi yang dibuat oleh anda melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u akan tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dan arahan amalan standard Bank, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Bursa Malaysia, peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Sistem Penyelesaian Dan Penyerahan Tetap (Fixed Delivery and Settlement System), peraturan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan mana-mana peraturan-peraturan berkaitan lain yang mengawal selia pembelian dan penjualan saham yang di Bursa Malaysia yang berkuatkuasa pada bila-bila masa.
- 14.4. Anda bersetuju bahawa maklumat mengenai dagangan saham yang terdapat di dalam Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u telah diperoleh secara bebas daripada sumber yang boleh

dipercayai oleh pihak Bank namun ketepatan, kesempurnaan dan kekiniannya adalah tidak dijamin oleh pihak Bank. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat daripada perunding dan profesional yang berkenaan sebelum bertindak mengikut mana-mana maklumat yang disediakan atau diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

14.5. Anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa pihak Bank tidak memberi sebarang waranti atau jaminan dalam apa jua bentuk, samada secara nyata atau tersirat, mengenai ketepatan atau kesesuaian atau kelengkapan maklumat yang diberikan bagi perkhidmatan dagangan saham atau mengenai ketepatan apa-apa perintah yang dihantar dan/atau arahan untuk membatalkan perintah tersebut.

15. Perkhidmatan e-Penyata/Penyata Saya

15.1. Deskripsi Perkhidmatan Penyata Saya

15.1.1. Perkhidmatan Penyata Saya membolehkan pelanggan Bank yang telah melanggan kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u untuk melihat, menyimpan dan mencetak dalam format PDF atau apa-apa format lain yang disediakan oleh pihak Bank dari masa ke semasa, Penyata Saya pelanggan tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan didalam ini.

15.1.2. Penyata Saya adalah penyata kertas, notis, nasihat atau peringatan dalam versi elektronik yang dihantar atau sebaliknya yang diberikan kepada pelanggan Bank oleh pihak Bank atau oleh Pengebil yang berkenaan yang disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dalam bentuk yang serupa sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan versi kertas penyata, notis, nasihat atau peringatan, dan/atau dalam bentuk ringkasannya (sepertimana yang berkenaan).

15.1.3. Walau apapun yang dinyatakan di 15.1.2 di atas, anda mengakui bahawa pihak Bank tidak akan menyediakan Penyata Saya dalam bentuk penyata Akaun kepada pelanggan yang sebelum ini tidak layak kepada penyata kertasnya di bawah peraturan-peraturan yang berkenaan dengan Akaun tersebut, walaupun Penyata Saya di dalam bentuk notis, nasihat dan peringatan mungkin akan masih diberikan berhubung dengan Akaun tersebut, mengikut budi bicara Bank.

15.2 Mengakses Penyata Saya

15.2.1 Penyata Saya bagi Akaun dan Bil akan diberikan kepada anda menurut kitaran kenyataan yang berkenaan (sekiranya ada) atau dari masa ke semasa mengikut budi bicara Bank, melalui Perkhidmatan Penyata Saya apabila anda menyambung kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian di Maybank2u.com.

15.2.2 Walaubagaimanapun, sebelum anda mengakses dan melihat Penyata Saya bagi Bil, anda dikehendaki untuk mendaftar butiran Bil tersebut melalui Perkhidmatan Penyata Saya. Penyata Saya akan disediakan hanya bagi Bil yang telah didaftarkan dan disahkan oleh pihak Bank sebagai

“Telah Diaktifkan”.

15.2.3 Dalam mendaftarkan Bil dibawah Perkhidmatan Penyata Saya, anda hendaklah:

(a) memberikan kebenaran secara nyata kepada Pengebil yang berkenaan untuk memberikan atau menyediakan Bil dan dan segala butiran dan maklumat yang terdapat didalamnya, kepada pihak Bank;

(b) memberikan kebenaran secara nyata kepada pihak Bank untuk menggunakan butir-butir dan maklumat Bil tersebut di dalam menyediakan Perkhidmatan Penyata Saya dan untuk ianya boleh diakses oleh pihak Bank dan Sekutunya serta sub-kontraktornya yang terlibat dalam penyediaan

Perkhidmatan Penyata Saya;

(c) dengan ini mengakui bahawa anda mempunyai semua hak dan kebenaran untuk mengakses dan melihat Bil dan semua maklumat yang terdapat di dalamnya dan jika berkenaan, untuk membuat pembayaran yang berkaitan dengannya;

(d) dengan ini mengakui bahawa anda mempunyai semua hak dan kuasa untuk memberikan kebenaran yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) diatas.

(e) anda mengakui bahawa pengesahan pengaktifan Bil-bil yang berjaya atau yang tidak Berjaya hanya akan diberioleh pihak Bank apabila pihak Bank menerima balasan daripada Pengebil, berkaitan dengan pendaftaran Bil tersebut. Jika tiada balasan diterima daripada Pengebil yang berkenaan, status pendaftaran akan kekal sebagai 'belum selesai' sehingga ianya dikeluarkan oleh sistem dari halaman ringkasan Bil Saya, ketika mana anda perlu mengulangi proses pendaftaran Bil yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas sekiranya anda ingin meneruskannya. Dalam apa keadaan sekalipun, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan pihak ketiga dalam penyediaan pengesahan mengenai berjayanya atau tidak pengaktifan Bil, atau mengenai pembatalan pendaftaran Bil tersebut, sekiranya berkenaan.

(f) Dalam apa jua keadaan, anda mengakui bahawa pengaktifan Bil adalah pada akhirnya diatas budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak untuk menolak secara munasabah Bil yang didaftarkan di bawah Perkhidmatan Penyata Saya tanpa sebarang liabiliti dan tanpa sebarang kewajipan untuk memberikan sebab bagi keputusan tersebut.

(g) Dalam keadaan dimana anda tidak lagi mahu mengakses dan melihat Penyata Saya berkaitan dengan Bil yang telah diaktifkan, anda boleh membatalkan pendaftaran Bil tersebut mengikut prosedur pembatalan yang ditetapkan oleh Maybank2u. Penyata Saya yang berkaitan dengan Bil tersebut akan dihentikan dari diakses dan dilihat setelah anda membuat pengesahan pembatalan kepada pihak Bank.

(h) Anda mengakui bahawa sebarang pembayaran yang dibuat oleh anda berdasarkan Penyata Saya adalah dibuat melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan tertakluk kepada

Terma dan Syarat didalamnya.

(i) Di bawah Perkhidmatan Penyata Saya, anda boleh melihat, menyimpan dan/atau mencetak Penyata Saya selama tempoh yang ditetapkan di mana kecuali dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, akan tertakluk

kepada kitaran penyata yang berkenaan (sekiranya ada) sepertimana yang disediakan melalui Maybank2u. Sebagai contoh, jika kitaran penyata adalah harian, Penyata Saya akan disediakan sehingga tempoh tiga puluh (30) hari sebelumnya dan di mana kitaran penyatanya adalah bulanan, Penyata Saya akan disediakan untuk bulan yang berkenaan dan dua (2) bulan sebelumnya yang mana anda telah mendaftar untuk perkhidmatan tersebut. Walaubagaimanapun, ketersediaan Penyata Saya dalam bentuk notis, nasihat, peringatan atau dalam apa jua bentuk Penyata Saya tanpa kitaran tetap, akan disediakan untuk tempoh sepertimana yang dinyatakan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.

(j) Anda memerlukan Adobe Acrobat Reader versi 7.0 atau versi terkininya untuk melihat, mencetak, dan/atau menyimpan Penyata Saya dalam bentuk PDF.

16. Kerahsiaan

16.1. Anda menerima bahawa anda akan bertanggungjawab keatas kerahsiaan dan penggunaan Kod Akses anda dan anda tidak akan, pada bila-bila masa dan keadaan berkongsi, memberitahu atau mendedahkan Kod Akses anda kepada sesiapa sahaja termasuklah pekerja-pekerja Bank.

16.2. Anda berakujanji untuk mematuhi semua langkah-langkah keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Bank berkenaan dengan Kod Akses anda atau secara umumnya berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

16.3. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai yang sebarang Kod Akses dan/atau dimana berkenaan, Peranti Mudah Alih anda, telah disalahgunakan dan/atau dikompromi oleh pendedahan, penzahiran atau apa cara sekalipun, anda mesti memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera.

16.4. Jika anda menerima data dan maklumat melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, yang mana ianya tidak ditujukan kepada anda, anda bersetuju untuk memadamkan segala maklumat tersebut dari sistem komputer /Peranti Mudah Alih atau apa-apa peranti lain anda dengan segera dan anda akan memaklumkan kepada pihak Bank secara rasmi dengan apa jua carapun tanpa sebarang penangguhan.

17. Pendedahan Maklumat Pelanggan

17.1. Bank dan setiap Sekutunya bersetuju untuk tidak mendedahkan kepada pihak ketiga, maklumat kewangan yang telah anda berikan atau yang Bank dan/atau Sekutunya perolehi berkenaan dengan Akaun dan urusan niaga dibawahnya, melainkan jika ianya adalah:

17.1.1. untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan atau perintah atau permintaan badan-badan agensi kerajaan yang berkenaan atau mahkamah;

17.1.2. untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan Akaun anda bagi pihak ketiga, seperti biro kredit atau pedagang;

17.1.3. apabila ianya diperlukan untuk menyelesaikan satu transaksi;

17.1.4. untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan Akaun anda atau jika ianya dibenarkan oleh anda, untuk menawarkan produk-produk dan perkhidmatan, dan kepada pembekal perkhidmatan yang berkaitan dengannya (jika ada);

17.1.5. berkaitan dengan pemeriksaan oleh pihak berkuasa perbankan;

17.1.6. dengan kebenaran bertulis anda;

17.1.7. kepada entiti lain di dalam Kumpulan Maybank.

17.2 Anda memahami bahawa walaupun pihak Bank akan menggunakan usaha terbaiknya untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar atau diterima dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, pihak Bank tidak menjamin keselamatan sebarang maklumat yang dihantar atau diterima oleh anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

18. Had Liabiliti

18.1. Anda mengakui bahawa Bank dan Sekutunya tidak memberikan jaminan dalam apa jua bentuk berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, sama ada secara nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Kumpulan Maybank dan Sekutunya secara nyata menafikan liabiliti berkenaan dengan sebarang kelewatan, kegagalan atau kesilapan dalam penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Maybank2u anda. Tiada maklumat atau nasihat lisan atau bertulis yang diberikan oleh pihak Bank, Sekutunya atau pekerja-pekerja Bank akan mewujudkan jaminan atau dengan apa cara sekalipun menambah skop jaminan ini, dan anda tidak boleh bergantung kepada apa-apa maklumat atau nasihat tersebut.

18.2. KECUALI JIKA DINYATAKAN SEBALIKNYA DI DALAM TERMA DAN SYARAT INI DAN SETAKAT YANG DIBENARKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN (TERMASUK SEBARANG GARIS PANDUAN, PEKELILING ATAU PERATURAN YANG DIKELUARKAN OLEH BADAN-BADAN PENYELIA YANG BERKAITAN), KUMPULAN MAYBANK DAN/ATAU SEKUTUNYA TIDAK AKAN DI DALAM APA KEADAAN SEKALIPUN BERTANGGUNGJAWAB SAMA ADA DI DALAM KONTRAK, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT

ATAU DIBAWAH SEBARANG ASAS LAIN UNTUK APA-APA KEHILANGAN KEUNTUNGAN, KEHILANGAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN PENGGUNAAN, KEHILANGAN NAMA BAIK, KEHILANGAN SIMPANAN, KEHILANGAN PELUANG, GANGGUAN PERNIAGAAN ATAU GANTIRUGI BERBANGKIT, ISTIMEWA, SAMPINGAN, SECARA TIDAK LANGSUNG, TELADAN ATAU PUNITIF YANG DITANGGUNG ATAU DIALAMI OLEH ANDA ATAU MANA-MANA ORANG LAIN SEBAGAI AKIBAT MENGAKSES ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN MAYBANK2U. Secara khususnya untuk

Perkhidmatan Penyata Saya, ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kerugian atau kerosakan yang timbul daripada:

18.2.1. ketidaktepatan, atau kesilapan dalam apa-apa data atau maklumat anda dalam Penyata Saya anda sebaliknya yang diberi atau disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, yang tidak dapat dikaitkan kepada kelalaian melampau Bank yang diputuskan oleh mahkamah;

18.2.2. kegagalan untuk melihat, menyimpan, mencetak atau memuat turun Penyata Saya anda disebabkan batasan perkhidmatan atau apa-apa kegagalan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau mana-mana bahagiannya untuk apa-apa sebab munasabah;

18.2.3. kerosakan, kehilangan atau kesilapan dalam sebarang data atau maklumat yang diberikan oleh Pengebil atau pihak lain selain daripada pihak Bank untuk dimasukkan dalam Penyata Saya untuk apa jua sebab;

18.2.4. sebarang penggunaan Perkhidmatan Penyata Saya yang tidak dibenarkan dan/atau pencerobohan, gangguan atau serangan ke atas Maybank2u.com atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u oleh mana-mana orang, virus, Trojan Horse, worm, makro atau lain-lain komponen merbahaya atau program-program atau fail-fail yang merosakkan.

18.3. Disebabkan sifat Perkhidmatan Perbankan Online Maybank2u, dan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat dibenarkan di bawah undangundang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan ke atas data, perisian, peralatan, akses rangkaian atau peralatan lain yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

19. Hak Milik dan Hak Harta Intelekt

19.1. Anda mengakui bahawa semua hak milik dan hak harta intelek dalam Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (termasuk tetapi tidak terhad kepada Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih Maybank2u) adalah dimiliki oleh Bank atau, di mana berkenaan, oleh Sekutunya, pada setiap masa.

19.2. Selain daripada maklumat yang berkaitan dengan Akaun dan Bil anda, semua kandungan yang terdapat di dalam Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (termasuk pengaturannya) adalah hakmilik Bank atau Pengebil yang berkaitan atau pihak ketiga dan dilindungi oleh hak cipta, hak cap dagangan, atau lain-lain hak intelektual dan hak milik. Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda tidak memberikan anda lesen atau hak untuk menggunakan apa-apa cap dagang Maybank2u.com tanpa kelulusan nyata dan bertulis daripada Bank. Di samping itu, penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda tidak memberi anda lesen atau hak untuk menggunakan mana-mana cap dagang pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis dari pihak ketiga yang memiliki hak ke atas cap dagangan tersebut.

20. Yuran dan Caj

20.1. Anda mengakui bahawa pihak Bank akan, tertakluk kepada pemberian dua puluh satu (21) hari notis terdahulu kepada anda, berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan atau yuran transaksi dan/atau memindanya dari masa ke semasa berkenaan dengan penggunaan atau akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau mana-mana bahagiannya.

20.2. Anda mengakui bahawa anda bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan dalam membolehkan anda untuk mengakses dan/atau menyambung ke Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u. Anda juga bertanggungjawab untuk apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan Rangkaian.

20.3. Tertakluk kepada Terma Akaun anda, anda memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun anda yang berkenaan untuk apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Fasal 20.1, 20.2 dan untuk sebarang caj Kerajaan, duti setem atau cukai yang perlu dibayar akibat daripada penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

21. Penggunaan Antarabangsa

21.1. Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u di luar Malaysia adalah tertakluk kepada Peraturan Kawalan Pertukaran Bank Negara Malaysia atau mana-mana keperluan kawalan fiskal atau pertukaran yang beroperasi di negara dimana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta; serta undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.

21.2. Jumlah maksimum transaksi dan tujuan mana ianya dilaksanakan mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.

21.3. Anda dengan ini bersetuju bahawa anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u di atas inisiatif anda sendiri dan anda bertanggungjawab bagi pematuhan anda dengan undang-undang tempatan.

22. Umum

22.1. Anda dengan ini bersetuju untuk menyemak semua notifikasi, penyata dan rekod Arahan, komunikasi, operasi atau transaksi Bank yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau diberi efek melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (sebagaimana di diakses dan digunakan melalui Kata Laluan dan Nama Pengguna anda) dari masa ke semasa dan dengan secara kerap dan anda dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta dan tanpa sebarang kelewatan tentang sebarang kesilapan, ketidakaturan, percanggahan, tuntutan atau perkara atau transaksi yang tidak dibenarkan dan Bank akan mengandaikan siasatan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari laporan anda. Anda mengakui bahawa kegagalan atau kelewatan anda untuk memaklumpkannya dengan serta-merta akan dianggap sebagai perjanjian dan penerimaan muktamad anda yang segala perkara yang terkandung di dalam notifikasi, penyata dan rekod tersebut adalah benar dan tepat dari segala segi dan akan mengikat anda untuk apa jua tujuan dan menjaga keterangan muktamad mengenai transaksi dan liabiliti anda kepada pihak Bank. Anda dengan ini bersetuju bahawa semua rekod tersebut boleh diterima sebagai keterangan dan bahawa anda tidak akan mencabar atau mempertikaikan kebolehterimaan, kebolehpercayaan, ketepatan atau keaslian kandungan rekod tersebut sekadar atas dasar bahawa rekod tersebut telah digabungkan dan/atau dinyatakan di dalam bentuk elektronik atau dihasilkan oleh atau merupakan output system komputer, dan dengan ini mengeneipkan sebarang hak anda (jika ada) untuk membantah kepadanya.

22.2. Anda bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk memerlukan anda mengekalkan baki minimum munasabah pada satu-satu masa dalam Akaun anda. Kegagalan anda untuk mengekalkan baki minimum munasabah yang ditetapkan oleh pihak Bank mungkin mengikut budi bicara pihak Bank menyebabkan penalti dikenakan terhadap anda atau menyebabkan penggantungan atau penamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 23.

22.3. Mana-mana Arahan yang dihantar oleh anda selepas waktu penutupan berkenaan bagi manamana hari akan di poskan di dalam buku dan rekod Bank pada atau untuk Hari Bekerja yang berikutnya selepas tarikh Arahan.

22.4. Anda tidak berhak menggunakan Perkhidmatan Perbankan Online Maybank2u, jika wujud sebarang halangan apa jua pun berkaitan dengan Akaun anda atau Akaun Pihak Ketiga sama ada dikenakan oleh pihak Bank atau oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan atau mahkamah.

22.5. Penyediaan kiosk Maybank2u dan semua peranti dan/atau terminal computer (Barangan) yang tersedia untuk penggunaan anda di cawangan-cawangan kami adalah khas untuk kegunaan dan Akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u sahaja dan anda tidak boleh menggunakan Barangan tersebut untuk atau berkaitan dengan tujuan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.

23. Penggantungan atau Penamatan Perkhidmatan

23.1. Walau apapun di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, menggantung atau menamatkan hak Akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana medium ia ditawarkan dibawah, untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran mana-mana terma di dalam ini, undangundang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan pengguna-penggunanya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.

23.2. Pihak Bank akan secara automatik menamatkan hak Akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau untuk mana-mana medium dibawah mana ianya disediakan (sepertimana yang berkenaan), sekiranya anda berhenti mengekalkan mana-mana Akaun dengan pihak Bank yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau mediumnya yang berkenaan atau sekiranya akses anda ke Akaun tersebut dihadkan oleh pihak Bank atau mana-mana pihak lain untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran manamana terma di dalam ini, atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan pengguna-penggunanya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.

23.3. Sekiranya anda tidak log masuk ke Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u untuk tempoh berterusan selama tiga (3) bulan, Akses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u anda akan dianggap sebagai tidak aktif dan seterusnya, sekiranya ia kekal terbiar untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir anda log masuk, akses ke Maybank2u anda akan secara automatic dinyahaktifkan.

23.4. Anda boleh menamatkan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dengan memberi notis terdahulu kepada pihak Bank. Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u akan dibatalkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pihak Bank menerima notis penamatan tersebut dan anda bersetuju bahawa pihak Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan sebarang Arahan anda yang diterima pada mana-mana hari selepas penerimaan notis penamatan anda tersebut.

23.5. Kecuali dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di atas, pihak Bank menyimpan hak untuk menamatkan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang disediakan oleh pihak Bank dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

23.6. Anda mengakui bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau tanggungjawab anda berkenaan dengan Arahan yang diberikan kepada dan/atau diproses oleh pihak Bank bagi pihak anda.

24. Tanggung Rugi

24.1. Anda dengan ini bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung rugi serta melindungi pihak Bank daripada sebarang tuntutan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang yuran guaman) yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung atau yang mungkin timbul daripada:

24.1.1. kemungkiran atau pelanggaran anda akan Terma dan Syarat ini atau mana-mana hak pihak ketiga;

24.1.2. penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, oleh anda atau sesiapa yang berpura sebagai anda;

24.1.3. tindakan penipuan anda;

24.1.4. pendedahan Kod Akses yang dibuat oleh anda, kepada mana-mana orang lain atau dalam mana-mana e-mel atau di laman web lain;

24.1.5. kegagalan anda untuk mengambil langkah munasabah untuk mengekalkan kerahsiaan dan/atau keselamatan Kod Akses tersebut pada setiap masa; atau

24.1.6. kegagalan anda untuk melaporkan sebarang pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut secepat mana yang mungkin setelah menyedari akan pelanggaran atau kehilangannya.

24.2. Liabiliti dan kewajipan anda untuk menanggung rugi seperti yang dinyatakan di atas bagaimanapun tidak terpakai setakat mana ianya timbul daripada:

24.2.1. kegagalan Kumpulan Maybank untuk memberitahu anda tentang tanggungjawab anda untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Kod Akses, dan juga tanggungjawab anda untuk segera memaklumkan Kumpulan Maybank sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau komprominya;

24.2.2. Kegagalan Kumpulan Maybank untuk menyediakan anda dengan cara-cara yang mencukupi untuk memberitahu Maybank mengenai apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau dipertikaikan;

24.2.3. Kerosakan teknikal atau kekurangan terbukti di dalam sistem dan peralatan yang di bawah kawalan penuh Bank;

24.2.4. kekurangan atau pendedahan terbukti di dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;

24.2.5. transaksi yang berlaku selepas pihak Bank telah dimaklumkan oleh anda tentang transaksi yang

berlaku tanpa kebenaran atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang Kod Akses dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan anda sendiri;

24.2.6. transaksi yang berlaku sejurus sebelum Bank dimaklumkan tentang sebarang transaksi yang tidak dibenarkan atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang Kod Akses dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan anda sendiri dan pemberitahuan itu dibuat serta-merta dan tanpa kelewatan; dan

24.2.7. transaksi yang berlaku sebelum anda menerima Kod Akses berkenaan dengan transaksi tersebut; atau

24.2.8. dimana berkenaan, Kod Akses yang palsu, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat bahawa ianya tidak disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan anda sendiri.

25. Notis

25.1. Anda dengan ini memberi kebenaran yang segala notis atau komunikasi yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u atau anda yang dikehendaki dibawah Terma dan Syarat di dalam ini atau mungkin diberikan oleh pihak Bank, diberi di dalam salah satu cara-cara yang berikut:

25.1.1. Melalui pos biasa ke alamat terakhir anda dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap diterima dua (2) hari selepas pengeposan.

25.1.2. Melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir anda di dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap diterima dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran.

25.1.3. Dengan dipaparkan pada premis Bank dan notis tersebut akan dianggap berkesan melalui pemaparan tersebut.

25.1.4. Dengan cara iklan yang dibuat satu (1) kali di dalam mana-mana akhbar nasional dan pemberitahuan itu akan dianggap berkuatkuasa pada tarikh penyiaran iklan tersebut dalam manamana akhbar tersebut.

25.1.5. Dengan memasukkan notis dalam Penyata Akaun Bank kepada anda dan notis tersebut akan dianggap berkuatkuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis yang terkandung di dalam

Penyata Akaun tersebut kepada anda.

25.1.6. Pemaparan mesej di laman web Maybank2u.com atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih.

25.1.7. Melalui notis kepada anda dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.

25.2 Semua notis kepada pihak Bank berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan semua Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah bertulis, ditandatangani oleh anda dan dihantar kepada Bank pada alamat yang tertera seperti berikut atau dalam apa-apa cara lain sepertimana yang pihak Bank mungkin memaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa:

Malayan Banking Berhad

Service Fulfilment Unit

Virtual Banking & Payment

Maybank Group Customer Care

Lot 12 Jalan Astaka U8/84

Seksyen U8, Bukit Jelutong

40150 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

No. Telefon: 1300-88-6688

No. Telefon Luar Negara: +603-78443696

No. Faks: 1300-88-8899

Alamat E-mel: mgcc@maybank.com.my

26. Force Majeure

26.1. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada saya/kami atau kepada pihak ketiga untuk apa-apa kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, kerosakan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik jika pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah ini atau menyediakan apa-apa perkhidmatan akibat Force Majeure.

27. Kebolehasingan dan Penepian

27.1. Jika mana-mana Terma dan Syarat didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ianya akan tidak mempunyai efek hanya untuk bahagian-bahagian yang menyalahi undang-undang atau dilarang tersebut. Terma dan Syarat lain tidak akan terjejas.

27.2. Sebarang penepian atau kelonggaran yang diberikan tidak akan; menghalang pihak Bank daripada menguatkuasakan secara munasabah bahagian-bahagian yang lain di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau hak-hak lain; atau memerlukan pihak Bank untuk memberikan kelonggaran selanjutnya. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

28. Variasi

28.1. Anda mengakui bahawa, antara lain, untuk memastikan penyediaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang lancar dan efisien dan/atau untuk meningkatkan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara munasabah untuk membuat pindaan dan pengubahsuaian yang difikirkannya perlu kepada:

28.1.1. prosedur dan proses berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (iaitu prosedur untuk pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, penerimaan

Terma dan Syarat ini, pendaftaran dan pengaktifan Bil, dan lain-lain); dan

28.1.2. nama-nama dagang atau perkhidmatan yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u (iaitu Penyata Saya, Bil Saya, dan lain-lain) sebagaimana yang dirujuk di dalam Terma dan Syarat ini. Walau apa pun yang dinyatakan di sini, anda dengan ini bersetuju bahawa sementara menunggu perubahan tersebut dilakukan kepada Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat tersebut akan terus terpakai kepada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, di mana prosedur dan proses yang dipinda atau diubahsuai dan/atau mana-mana nama dagang atau nama perkhidmatan baru akan disifatkan sebagai menggantikan prosedur dan proses dan/atau nama dagangan atau perkhidmatan yang sebelumnya.

29. Pertikaian dan Pertanyaan

29.1. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujukkannya kepada meja bantuan kami di 1-300-88-6688 atau + 603-7844 3696 (jika anda berada di luar negara). Di samping itu, anda dinasihatkan untuk menyemak Polisi Privasi, Penyata Keselamatan serta Piagam Pelanggan kami, di laman web ini.

- 29.2. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan dan/atau pertikaian yang timbul daripada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan Terma dan Syarat di dalam ini, sila rujukannya kepada pihak Bank di alamat yang dinyatakan dalam Fasal 25.2.
- 29.3. Anda harus menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian anda dan segala butiran atau maklumat lain sebagaimana yang diperlukan oleh pihak Bank dan aduan dan/atau pertikaian tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur Bank berkenaan dengan penyelesaian aduan dan pertikaian.
- 29.4. Berhubung dengan penyampaian Penyata Saya, dimana pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian adalah hasil kesilapan, tindakan atau peninggalan Pengebil, perkara tersebut akan dimaklumkan kepada Pengebil yang berkenaan tersebut dimana segala pertanyaan, aduan dan pertikaian hendaklah diselesaikan di antara Pengebil dan anda. Peranan pihak Bank berhubung dengannya terhadap kepada penyediaan maklumat yang berkenaan sahaja.
- 29.5. Anda berakujanji bahawa apa-apa aduan dan/atau pertikaian yang dibuat oleh anda adalah benar dan sah dan anda mengakui bahawa anda seorang akan bertanggungjawab kepada pihak Bank berhubung dengan aduan atau tuntutan palsu atau penipuan.

30. Undang-undang dan Bidang Kuasa

- 30.1. Terma dan Syarat ini akan dikawal selia oleh Undang-undang Malaysia dan anda dengan ini memersetujui dan mengakui kepada bidang kuasa dan tempat mahkamah di Malaysia eksklusif bagi semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u.